

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 06 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Dua satelit dilancar menjelang 2018	Utusan Malaysia
2.	RazakSat-2 bantu pembangunan pertanian, pengesanan awal bencana alam	Bernamea.com
3.	RazakSAT-2 dilancar 2015	Harian Metro
4.	Terus pacu program sains angkasa	Berita Harian
5.	57 pasukan sekolah rencah. Menengah sertai MASS2013	Berita Harian
7.	Polis sahkan rangka lelaki	Sinar Harian
8.	ECER tingkat hidup rakyat Pantai Timur	Berita Harian

Dua satelit dilancar menjelang 2018

KUALA LUMPUR 5 Sept. - Satelit RazakSAT 2 yang akan dilancarkan penghujung 2015 bakal menampilkan teknologi pemetaan pembangunan pertanian dan alat pengesan awal bencana alam.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, selain mampu bertindak dengan lebih pantas dan berkesan, teknologi itu akan dihasilkan dengan kepakaran dan peralatan daripada Malaysia.

Menurutnya, teknologi itu dilihat mampu memberi manfaat yang jelas kepada negara dari aspek perpindahan teknologi secara keseluruhan.

"Kini kami sedang membuat penyelidikan untuk memastikan proses perpindahan teknologi dengan kepakaran yang dimiliki negara."

"Kami sedang berbincang dengan dua syarikat antarabangsa iaitu daripada Korea dan Perancis dan membuat penilaian berdasarkan nilai teknologi berkenaan termasuk hasil daripada pelaksanaan pelancaran itu," katanya kepada

pemberita dalam sidang media di sini hari ini.

Terdahulu beliau merasmikan majlis pelancaran Small Satellite Colloquium (SSC) 2013 anjuran bersama Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. (ATSB) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan sokongan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Agensi Angkasa Negara (Angkasa) di UIAM, di sini hari ini.

Abu Bakar berkata, susulan pelancaran RazakSAT-2, penyelidikan dan pelaksanaan terhadap RazakSAT-3 akan diteruskan berdasarkan keperluan dan kepentingan selepas jangka hayat satelit iaitu tujuh tahun.

"Sehingga kini, proses penyelidikan masih dilakukan bersama tiga orang pakar dari luar negara iaitu dari Itali dan dua lagi dari United Kingdom," ujarnya.

"Kita mempunyai kepakaran yang cukup dalam mencipta teknologi sebegini, cuma peralatan masih tidak mencukupi bagi melancarkan satelit secara keseluruhannya," katanya.



ABU Bakar Mohamad Diah (Kiri) merasmikan majlis pelancaran Small Satellite Colloquium (SSC) 2013 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Kuala Lumpur, semalam.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 6 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)



RazakSat-2 Bantu Pembangunan Pertanian, Pengesanan Awal Bencana Alam

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Satelit mini kedua Malaysia, RazakSAT-2 yang dijangka dilancar penghujung 2015, antara lain akan memberi tumpuan terhadap teknologi pemetaan bagi pembangunan pertanian dan pengesanan awal bencana alam.

Timbalan Menteri Teknologi, Sains dan Inovasi Datuk Abu Bakar Mohamad Diah berkata satelit penderiaan jauh itu diharap memberi lebih manfaat kepada negara terutama daripada segi membantu kerajaan membuat keputusan jika berlaku bencana alam di negara ini.

"Kali ini kita mahu pastikan kepakaran dan teknologi tempatan diguna pakai sepenuhnya untuk kita sendiri mengawal serta mengumpul data dari satelit ini tanpa bantuan pihak lain.

"Pihak kementerian juga tidak akan menunggu lama dalam membangunkan rancangan bagi RazakSAT-3 untuk pelancaran tiga atau empat tahun selepas pelancaran RazakSAT-2," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kolokium Satelit Mini 2013 (SSC 2013) di sini Khamis.

RazakSAT-2 dibangunkan **Astronautic Technology (M) Sdn Bhd (ATSB)** yang merupakan syarikat perintis dalam pembangunan satelit di Malaysia.

Abu Bakar berkata tiga lagi satelit mikro bakal dilancar dalam masa terdekat bagi tujuan pembangunan sains dan penyelidikan.

SSC 2013 adalah kolokium kedua dianjurkan ATSB yang berhasrat mengadakan acara itu setiap tahun dengan secara bergilir dengan universiti tempat sebagai rakan strategik kolokium.

Kira-kira 100 peserta mewakili agensi-agensi kerajaan, ahli akademik, pelajar dan industri serta organisasi tempat dan antarabangsa menyertai kolokium.

-- BERNAMA

RazakSAT-2 dilancar 2015

Kuala Lumpur: Satelit mini kedua Malaysia, RazakSAT-2 yang dijangka dilancarkan penghujung 2015, antara lain akan memberi tumpuan terhadap teknologi pemetaan bagi pembangunan pertanian dan pengesanan awal bencana alam.

Timbalan Menteri Teknologi, Sains dan Inovasi Datuk Abu Bakar Mohamad Diah berkata, satelit pemerian jauh itu diharap memberi lebih manfaat kepada negara terutama dari segi membantu kerajaan membuat keputusan jika berlaku bencana

alam di negara ini.

“Kali ini kita mahu pastikan kepakaran dan teknologi tempatan diguna pakai sepenuhnya untuk kita sendiri mengawal serta mengumpul data daripada satelit ini tanpa bantuan pihak lain.

“Kementerian juga tidak akan menunggu lama dalam membangunkan rancangan bagi RazakSAT-3 untuk pelancaran tiga atau empat tahun selepas pelancaran RazakSAT-2,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kolokium Satelit Mini 2013 (SSC 2013) di sini, se-

malam.

RazakSAT-2 dibangunkan Astronautic Technology (M) Sdn Bhd (ATSB) yang juga syarikat perintis dalam pembangunan satelit di Malaysia.

Abu Bakar berkata, tiga lagi satelit mikro bakal dilancarkan dalam masa terdekat bagi tujuan pembangunan sains dan penyelidikan.

SSC 2013 adalah kolokium kedua dianjurkan ATSB yang berhasrat mengadakan acara itu setiap tahun secara bergilir dengan universiti tempatan sebagai rakan strategik kolokium. - BERNAMA

Terus pacu program sains angkasa

» Tumpuan diberi dalam penyelidikan, penghasilan inovasi

Oleh Noor Azlina Zainudin
azlina.z@bh.com.my

► Banting

Kerajaan terus komited dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan bidang sains angkasa sejajar dengan Dasar Angkasa Negara, menjadikan angkasa sebagai sempadan ilmu dalam pembangunan bakat dan modal insan di negara ini.

Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Prof Datin Paduka Dr Khatijah Mohd Yusoff, berkata program sains angkasa terutamanya sains mikrograviti akan terus dipacu dan dilaksanakan secara berkala dengan memberi tumpuan kepada penyelidikan serta penghasilan inovasi.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Pertandingan Malaysia Space Seeds 2013 (MASS2013) dan penyerahan kit eksperimen biji benih kepada peserta di Pusat Angkasa Negara dekat sini, baru-baru ini.

Pertandingan MASS2013 dianjurkan oleh Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), National Seeds Association of Malaysia (NSAM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Turut hadir dalam majlis pelancaran itu ialah Timbalan Ketua Pengarah ANGKASA, Dr Nordin Ahmad; Ketua Unit Benih dan Baka MARDI, Dr Mohammad Selamat Maadom; Ahli Jawatankuasa NSAM, Ariff Merican



Khatijah (dua dari kanan), Nordin (kanan) menyemai biji benih sebagai simbolik majlis pelancaran Pertandingan MASS2013 di Pusat Angkasa Negara.

[FOTO
ADI SAFRI / BH]

“Di sini, pelajar juga perlu membuat eksperimen yang sama serta membuat penyelidikan dan kajian mengenai perbezaan percambahan biji benih di ISS dengan di bumi”

Nordin Ahmad
Timbalan Ketua Pengarah ANGKASA

Din Merican dan wakil KPM, Anandan a/l Kaniappan.

Menurut Dr Khatijah, antara bidang sains angkasa yang perlu diberi penekanan khusus ialah sains pertanian dan pertandingan MASS2013 yang diadakan bersempena dengan Program Space Seeds for Asian Future (SSAF) ialah salah satu aktiviti yang boleh membantu merealisasikan hasrat itu.

Program Angkasawan Negara Tambahan pula kini, katanya, kerajaan dalam proses menyediakan keperluan dan pembangunan keupayaan tempatan bagi menjayakan

Program Angkasawan Negara kedua kelak.

Sementara itu, Dr Nordin berkata, MASS2013 ialah program pendidikan untuk mempromosikan sains mikrograviti dalam kalangan masyarakat negara serantau di Asia Pasifik.

“Selain Malaysia, program ini disertai Australia, Indonesia, New Zealand, Vietnam, Thailand dan Jepun. Bagaimanapun, cuma negara kita yang melaksanakannya dalam bentuk pertandingan memabitkan pelajar manakala negara-

negara lain cuma mengadakan program kesedaran.

“Bagi pelaksanaan program ini, biji benih kacang merah vigna angularis akan dihantar ke Japan Experiment Module (KIBO), Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) untuk diuji percambahannya dalam suasana mikrograviti.

“Di sini, pelajar juga perlu membuat eksperimen yang sama serta membuat penyelidikan dan kajian mengenai perbezaan percambahan biji benih di ISS dengan di bumi,” katanya.



Faris Solihin Shamsul (kanan), Faisustakim Shamsul menanam biji benih pada majlis pelancaran MASS2013.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (PENDIDIKAN): MUKA SURAT 5
TARIKH: 6 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)

57 pasukan sekolah rendah, menengah sertai MASS2013

Banting: Peserta Pertandingan Malaysia Space Seeds 2013 (MASS 2013) perlu mula menanam biji benih *Vigna angularis* yang telah dibekalkan kepada mereka pada 2 September 2013 dan terus membuat pemantauan selama tujuh hari sehingga hari terakhir pertandingan iaitu 8 September ini bagi mengkaji pertumbuhannya.

Pemerhatian, pemantauan
Ketua Unit Penyelidikan Sains Angkasa, Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), Mhd Fairos Asillam, berkata pelajar perlu membuat pemerhatian dan pemantauan mengenai pertumbuhan biji benih itu serta menghantarnya ke laman web MASS2013 di <http://mass2013.angkasa.gov.my> setiap hari sebelum jam 12



tengah malam.

Pada masa sama, katanya, biji benih berkenaan akan turut ditanam di Japan Experiment Module (KIBO), Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) untuk diuji percambahannya dalam suasana

“**Data imej dan video biji benih dari ISS akan dimuat turun ke dalam laman web pada 9 September**”

Mhd Fairos Asillam,
Ketua Unit Penyelidikan Sains Angkasa (ANGKASA)

graviti hampir sifar atau mikro-graviti.

“Data imej dan video biji benih dari ISS akan dimuat turun ke dalam laman web pada 9 September dan pelajar perlu membuat kajian serta membandingkan

pertumbuhan biji benih yang mereka tanam dengan yang ditanam di angkasa lepas.

“Laporan serta hasil kajian pelajar mengenai faktor yang boleh mempengaruhi pertumbuhan biji benih perlu dihantar menerusi laman web selewat-lewatnya pada 20 September ini,” katanya.

Sebanyak 57 pasukan terdiri daripada 20 sekolah rendah dan 37 sekolah menengah dari seluruh negara menyertai MASS2013.

Pemenang kategori sekolah rendah akan menerima wang tunai RM3,000 diikuti kedua RM1,500 dan ketiga RM500.

Hadiah wang tunai RM5,000 pula menanti juara kategori sekolah menengah diikuti RM3,000 kedua dan RM2,000 ketiga.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (LEMBAH KLANG) : MUKA SURAT 22
TARIKH: 06 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)

Polis saahkan rangka lelaki

SHAH ALAM - Polis mengesahkan jantina rangka manusia yang ditemui dalam semak kira-kira 10 meter dari kawasan tapak pembinaan Hospital Shah Alam di Seksyen 7, 28 Ogos lalu adalah seorang lelaki dan dipercayai warga tempatan.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Zahedi Ayob berkata, jantina mangsa berusia lingkungan 30-an itu dikenal pasti berdasarkan tengkorak serta rongga tulangnya.

Beliau berkata, setakat ini, pihaknya ha-

nya dapat mengesahkan jantina mangsa kerana sampel DNA yang diambil pada rangka tersebut baru dihantar ke Jabatan Kimia pada Isnin lalu.

Beliau berkata, proses itu akan mengambil masa dan pihaknya sedang menunggu laporan dari Jabatan Kimia berhubung identiti mangsa.

Menurutnya, laporan bedah siasat diperoleh daripada Jabatan Patologi mendapati terdapat kesan luka pada tulang leher mangsa iaitu kesan dari objek tajam.

KERATAN AKHBAR

BERITA HARIAN: MUKA SURAT 3

TARIKH: 6 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)

ECER tingkat hidup rakyat Pantai Timur

Temuramah BH bersama Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Datuk Jebasingam Issace John.

S: Apakah pencapaian terbesar ECER setakat ini?

J: Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) telah menjana pelbagai aktiviti ekonomi yang memberikan peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada penduduk luar bandar, golongan miskin tegar, kaum wanita, belia dan juga komuniti Orang Asli. Mereka kini menikmati pendapatan yang lebih tinggi selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi Negara (ETP) untuk mewujudkan masyarakat berpendapatan tinggi di Malaysia.

Matlamat kami ialah memastikan tiada pihak terpinggir dari transformasi ekonomi ECER.

Dari segi pelaburan pula, setakat ini ECER berjaya menarik lebih RM50 bilion pelaburan, yang mewujudkan hampir 40,000 peluang pekerjaan untuk rakyat.

Kedudukan ECER sebagai destinasi pelaburan yang unggul, dinamik dan kompetitif telah terbukti dengan kehadiran pelabur ternama seperti Kaneka Group, CJ CheilJedang, Arkema, BASF PETRONAS, Volkswagen, DRB Hi-com dan Senteria Group.

Zon Ekonomi Khas ECER (ECER SEZ), dipenuhi projek berimpak tinggi yang bertindak sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi bagi seluruh ECER, kini menempatkan taman perindustrian bertaraf dunia seperti Kompleks Petrokimia Bersepadu Gebeng, Kompleks Petrokimia Bersepadu Kertih, Taman Automotif Pekan, Taman Biopolimer Kertih, Taman Bio Bersepadu Kuantan, Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan, Taman Industri Halal Gambang dan Taman Industri Berat Kemaman.




Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan Ke-10, 111 projek bernilai RM6.6 bilion diluluskan Kerajaan Persekutuan untuk dilaksanakan di ECER. Ia untuk mewujudkan persekitaran fizikal yang kondusif untuk pelabur serta program pembangunan sosial untuk rakyat di ECER.

Salah satu projek utama di ECER yang akan memainkan peranan signifikan dalam transformasi Wilayah ini ialah Peluasan Pelabuhan Kuantan yang akan dijadikan pelabuhan laut dalam untuk memenuhi keperluan kapal laut lebih besar dan moden seterusnya membolehkan ia berfungsi sebagai pelabuhan pelbagai guna bertaraf dunia untuk perdagangan serantau. Peluasan Pelabuhan Kuantan yang baharu ini akan memacu transformasi di ECER dan melonjakkan kedudukan ECER SEZ sebagai Gerbang Pelaburan ke rantau ASEAN dan Asia Pasifik.

S: Apakah cabaran dalam melaksanakan projek ECER?

J: Pihak ECERDC berasa amat bertuah kerana mendapat sokongan padu dari pihak Kerajaan Persekutuan, kerajaan Negeri ECER, serta agensi berkaitan dan pihak-pihak berkuasa tempatan.

Pihak kami amat berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di atas kepimpinan dan bimbingan diberikan



Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyaksikan pertukaran dokumen Kerjasama Kolaborasi Strategik antara Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) dan ECERDC. Mewakili ECERDC ialah Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Jebasingam Issace John sementara BiotechCorp diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal.

dan kepada Menteri Besar semua negeri ECER di atas sokongan tidak berbelah bahagi dalam memastikan kelancaran pelaksanaan projek dan program ECER.

S: Apakah yang Datuk dapat lihat dari segi peningkatan kehidupan peserta yang terabit di dalam program pembangunan modal insan anjuran ECER?

J: Projek Agropolitan ECERDC menggunakan platform sektor pertanian dalam usaha membantahan kemiskinan. Setakat ini seramai 830 keluarga di ECER terlibat di dalam projek Agropolitan, yang merangkumi 415 peserta dan keluarga masing-masing di Agropolitan Pekan, 315 keluarga di Agropolitan Kelantan Selatan di Gua Musang, serta 100 keluarga di Agropolitan Besut Setiu di Terengganu. Peserta yang sebelum ini meraih pendapatan kira-kira RM350 sebulan, kini mampu menjana pendapatan purata bulanan sebanyak RM1,100 melalui penyertaan di dalam aktiviti-aktiviti pertanian seperti penternanan biri-biri Dorper dan perladangan kelapa sawit.

empower ECER merupakan program pembangunan modal insan yang terdiri daripada program Latihan Akademik untuk pelajar lemah dan miskin, serta program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan untuk golongan dewasa yang kurang bernasib baik. Sehingga kini, sejumlah 22,262 peserta yang terdiri daripada 13,537 pelajar dan 8,725 orang dewasa telah mendapat manfaat dari empower ECER.

Pelajar menyertai program Latihan Akademik empower ECER berjaya mencatatkan kelulusan 100% di dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM masing-masing dengan beberapa pelajar mendapat gred A dalam semua mata pelajaran. Bagi golongan dewasa pula, sebanyak 80% peserta Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empower ECER dijangka mendapat pekerjaan atau memulakan perniagaan sendiri setelah menamatkan kursus. Peserta kini memperoleh pendapatan sehingga RM5,000 sebulan, malah ada antara mereka beroleh pendapa-

tan sehingga RM20,000 sebulan.

S: Apakah peranan ECER dalam pembangunan bioteknologi negara dan apakah kaitan bioteknologi dengan sektor pertanian di ECER?

J: ECER mensasarkan USD3 bilion pelaburan swasta dalam tiga bidang pembuatan bioteknologi:

● Bioteknologi Pertanian yang memanfaatkan perladangan herba, perikanan dan haiwan ternakan.

● Bioteknologi Penjagaan Kesihatan berasaskan sumber di atas, bagi menghasilkan produk farmaseutikal dan nutrasetikal.

● Bioteknologi Perindustrian berasaskan sumber di atas, bagi menghasilkan produk biopolimer, biokimia dan bio-remediasi.

Pelaburan RM2 bilion oleh CJ CheilJedang dari Korea dan Arkema dari Perancis bagi membangunkan sebuah kilang biometionina dan platform tiokimia bersepadu di Taman Biopolimer Kertih, Terengganu telah membuktikan keyakinan pelabur terhadap strategi kami dalam membangunkan sebuah kluster biokimia mega di ECER. Pelaburan tersebut menandakan evolusi industri hiliran minyak, gas dan petrokimia di Wilayah ini, sekali gus meluaskan jangkauannya kepada produk-produk kimia berasaskan bio-jisim, di samping bahan kimia konvensional dalam sektor pembuatan.

Kemajuan aplikasi bio-teknologi dalam bidang pertanian, yang dilaksanakan dengan kerjasama Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (BiotechCorp) akan memacu pertumbuhan ekonomi ECER, dan menarik lebih banyak pelaburan swasta, mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan, sekaligus menjana pendapatan yang lebih tinggi untuk masyarakat luar bandar.

S: Kenapa memilih sektor pembuatan dan perkilangan untuk Wilayah Pantai Timur?

J: Sektor pembuatan dan perkilangan memanfaatkan kekayaan sumber dan bahan mentah yang sedia ada di wilayah ini. ECERDC telah membangunkan

taman perindustrian yang dilengkapi kemudahan infrastruktur yang sedia untuk digunakan.

Sektor pembuatan telah lama bertapak kukuh di ECER, khususnya di dalam sektor minyak dan gas, petrokimia hiliran dan automotif. Kini, kami berhasrat untuk memanfaatkan kewujudan industri-industri ini untuk meningkatkan lagi rantaian nilai di dalam sektor pembuatan di ECER.

S: Memandangkan Pantai Timur pusat minyak & gas, apakah perancangan untuk penambahbaikan dan boleh mendatangkan hasil kepada penduduk tempatan?

J: Syarikat minyak negara, PETRONAS membuat pelaburan besar dalam sektor minyak dan gas hulu di Pantai Timur dan kini, syarikat tersebut turut mencubai aktiviti hiliran di dalam sektor tersebut. Ini akan memberikan impak positif terhadap rakyat tempatan dari segi pewujudan peluang pekerjaan dan keusahawanan, dan pihak ECERDC akan terus menyokong usaha PETRONAS dalam mempergiatkan aktiviti mereka di Wilayah ini.

S: Selepas 5 tahun, sejauh manakah pencapaian pelaksanaan ECER untuk mencapai matlamat Pantai Timur maju menjelang 2020?

J: Berdasarkan kemajuan yang dicapai setakat ini, pihak kami yakin bahawa wawasan ECER untuk menjadi sebuah wilayah maju menjelang 2020 mampu menjadi realiti, bersandarkan pendekatan pertumbuhan ekonomi di ECER melalui lima kluster utama iaitu Pelancongan, Minyak, Gas & Petrokimia, Pembuatan, Pertanian dan Pendidikan (Pembangunan Modal Insan.)

Melalui pelaksanaan berterusan projek dan program di ECER yang menjadikan Wilayah ini lebih mesra pelabur, ECER terus menjadi destinasi pilihan di kalangan komuniti pelabur tempatan dan antarabangsa, yang memberi manfaat kepada rakyat, khususnya dari segi peningkatan sosioekonomi mereka, sekali gus menjanjikan masa depan lebih cerah buat rakyat ECER.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bersama Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob melawat gerai kuih ECER.

